

Najib tahu status, transaksi RM42j

Pesanan ringkas dedah bekas PM gunakan Jho Low pastikan wang dalam akaun sentiasa cukup

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mempunyai pengetahuan berhubung status dan transaksi kemasukan wang RM42 juta ke dalam akaun peribadinya antara 2013 hingga 2015, menurut Timbalan Pendakwa Raya ad-hoc, Datuk V Sithambaram.

Beliau berkata, perkara itu jelas menerusi perbualan pesanan ringkas Blackberry (BBM) di antara ahli perniagaan dalam bujukan Low Teak Jho atau Jho Low dan bekas Pengurus Perhubungan AmBank, Joanna Yu Ging Ping yang menunjukkan bahawa Najib menggunakan Jho Low un-

tuk memastikan wang di dalam akaun miliknya sentiasa mencukupi.

Katanya, perbualan itu mengukuhkan lagi hujah pendakwaan bahawa Najib mempunyai pengetahuan berhubung kemasukan wang dalam akaun miliknya bagi membolehkan beliau menggunakan wang serta dana SRC International Sdn Bhd (SRC) yang masuk ke akaunnya.

"Pada perbicaraan sebelum ini, kemasukan wang RM42 juta ke dalam akaun Najib juga tidak pernah disangkal. Najib juga tidak pernah mempersoalkan mengenai kemasukan RM42 juta itu, beliau hanya menafikan bahawa beliau mengetahui mengenai kemasukan wang itu ke dalam akaun peribadinya," katanya.

Sithambaram berhujah demikian di hadapan panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil dalam pendengaran rayuan Najib terhadap sabitan dan hukuman penjara atas tuduhan penyalahgunaan RM42 juta dana SRC. Turut bersidang pada pendengaran itu, Hakim Datuk Has Zanah Mehat dan Hakim Datuk Vazeer Alam Mydin Meera.

Pada prosiding itu, Sithambaram turut berhujah bahawa ke-

"Pada perbicaraan sebelum ini, kemasukan wang RM42 juta ke dalam akaun Najib juga tidak pernah disangkal

V Sithambaram,
Timbalan Pendakwa Raya ad-hoc

terangan saksi ke-21 pendakwaan, Pengurus Cawangan AmBank Jalan Raja Chulan, R Uma Devi dan Joanna Yu menunjukkan bahawa Najib tidak pernah membuat sebarang aduan kepada AmBank berhubung kemasukan jumlah wang yang besar ke dalam akaunnya

Katanya, Najib juga tidak mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap AmBank berhubung kemasukan dan pengeluaran dana ke dalam akaunnya.

"Keterangan daripada Naib Presiden Kanan Kumpulan AmBank, Yeoh Eng Leong juga mengesahkan perkara yang sama bahawa tiada sebarang pertanyaan mahupun aduan dibuat oleh Na-



Najib tiba di pekarangan Mahkamah Persekutuan, Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Harazah/BH)

jib berhubung penggunaan ke atas kad kredit miliknya secara tidak sah.

"Jumlah bagi penggunaan kad kredit itu juga diselesaikan tanpa sebarang persoalan berdasarkan kepada perbelanjaan yang direkodkan," katanya.

Pada 28 Julai 2020, Najib dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta, selepas

didapati bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC. Bagaimanapun Najib, 67, dibebaskan dengan ikat jamin RM2 juta berserta dua penjamin sementara menunggu rayuan kes itu selesai.

Perbicaraan bersambung hari ini.